

STRATEGI PERNIAGAAN MELALUI PENDEKATAN LAMAN SESAWANG KAJIAN KES: SYARIKAT LOVELY FARM

¹Muhammad Afandi Abdullah dan ²Zakirah Othman

¹Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi Dan Logistik
Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia
Email: ¹fendi_sprintv@yahoo.com.my, ²zakirah@uum.edu.my

ABSTRACT

Strategi perniagaan melalui pendekatan laman sesawang merupakan satu kaedah perniagaan di mana ia menggunakan pelayar Internet sebagai satu platform untuk memperkenalkan syarikat, produk, khidmat dan lain-lain kepada umum. Namun begitu terdapat cabaran dalam membangunkan laman sesawang yang memenuhi ciri-ciri laman sesawang yang baik. Dengan itu objektif kajian ini untuk mengenal pasti kerangka laman sesawang untuk sebuah syarikat. Seterusnya, membantu sebuah syarikat dalam proses penilaian peringkat awal laman sesawang mereka.

Kata kunci

Strategi Perniagaan ,Laman Sesawang, Syarikat Lovely Farm.

1.0 PENGENALAN

Kewujudan laman sesawang merupakan satu pemangkin bagi sesebuah syarikat yang ingin menyampaikan maklumat dari pelbagai sudut kepada pembaca. Kepelembagaan laman sesawang memberikan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk memperoleh pengetahuan dari pelbagai sumber, pada bila-bila masa, di pelbagai lokasi dan melalui pelbagai mod persembahan termasuklah secara teks, grafik, video, audio dan animasi.

Dipetik dari (Barbara K.Kaye, 2001) *“The web, the most eclectic internet application consists of a myriad of site supplied by entities too numerous to count that are connected by a vast labyrinth of thousands and thousands computer”* Akibat pencambahan laman sesawang yang wujud di alam maya pengunjung mampu mendapatkan pengetahuan yang luas mengenai sesuatu yang dihendaki.

Namun demikian, laman sesawang perniagaan yang wujud perlu memenuhi kriteria dari pelbagai aspek bagi menarik minat pengguna untuk melawat laman sesawang tersebut. Hal ini akan menjejaskan laman

sesawang itu jika tidak mempamerkan maklumat yang tepat mengenai apa yang hendak disampaikan kepada pengunjung.

Berdasarkan masalah berikut, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kerangka laman sesawang yang sesuai untuk sesebuah syarikat seterusnya membantu sebuah syarikat dalam proses penilaian peringkat awal laman sesawang yang baik serta berkualiti.

2.0 ULASAN KARYA

Sesebuah laman sesawang yang baik dinilai dari pelbagai aspek tidak kira sama ada warna, tema, tulisan ataupun maklumat yang dipaparkan. Namun begitu, sesebuah perniagaan memerlukan sebuah laman sesawang bagi mempertingkatkan mutu perniagaan yang ditawarkan. Dalam era yang serba canggih ini, dunia perniagaan tidak terkecuali dari penggunaan laman sesawang sebagai satu platform atau strategi pemasaran bagi meningkatkan produktiviti dan dari segi promosi produk. Penggunaan laman sesawang diguna begitu meluas bagi dunia perniagaan tidak kira sama ada perniagaan yang dilakukan bersendirian atau perkongsian, produk yang ditawarkan atau konsep perniagaan. Hampir keseluruhan perniagaan di dunia ini menjalankan perniagaan menggunakan laman sesawang sebagai tempat mempromosi produk mereka. Kesenambungan antara dunia Internet dengan perniagaan sudah menjadi keperluan dalam era yang maju ini.

2.1 Jenis-Jenis Perniagaan

Perniagaan boleh wujud dari pelbagai jenis sama ada persendirian atau berkumpulan. Perniagaan adalah aktiviti manusia yang didorong oleh keuntungan hasil dari penjualan barang atau produk baru kepada pembeli Trevor Cadden, S. J. (2010).

Menurut seorang tokoh perniagaan Shahabudeen Jalil bin Kamarul Jaman (2012) memetik dari laman sesawangnya berkata terdapat tiga jenis perniagaan di Malaysia iaitu pertama ialah perniagaan milikan

tunggal di mana ia sebuah perniagaan yang paling mudah. Ia dimiliki oleh seorang pemilik yang mengendalikan perniagaannya.

Kedua ialah perniagaan jenis perkongsian di mana penggabungan antara dua individu yang melakukan perniagaan yang sama. Semua modal dan keuntungan dikongsi bersama.

Ketiga ialah perniagaan jenis syarikat di mana perniagaan jenis ini ditubuhkan oleh entiti berdaftar yang dikongsi sekurang-kurangnya dua orang. Perniagaan jenis ini tertakluk di bawah akta syarikat 1965.

2.2 Jenis-Jenis Laman Sesawang

Terdapat beberapa jenis laman sesawang yang secara khususnya digunakan oleh kerajaan, organisasi, syarikat dan usahawan bagi menyampaikan maklumat dan menjual produk mereka.

Laman sesawang terbahagi kepada dua kategori yang luas iaitu statik dan interaktif (dinamik). Laman sesawang statik akan menyampaikan maklumat kepada pengunjung laman sesawang tetapi tidak membenarkan interaksi antara laman sesawang dengan pengunjung secara langsung manakala laman sesawang interaktif memberi interaksi membenarkan aktiviti antara pemilik laman sesawang dan pengunjung laman sesawang.

Jenis yang pertama ialah sesawang yang berdasarkan blog. Kategori laman sesawang blog adalah bersifat interaktif di mana pengunjung mampu berurusan dengan pemilik blog. Bagi individu, blog merupakan tempat untuk manifastasikan pandangan dan kehidupan seharian yang lazimnya merangkumi kehidupan peribadi, kerjaya dan falsafah hidup. Usahawan pula menggunakan blog sebagai medium pemasaran dan perkongsian maklumat yang akhirnya meningkatkan kredibiliti mereka sekali gus memberikan ganjaran keuntungan dengan strategi pemasaran yang berkesan.

Kedua adalah laman sesawang jenis korporat. Laman sesawang korporat lazimnya di kategorikan sebagai laman statik di mana pemilik dan pengunjung tidak berinteraksi antara satu dengan lain. Pemilik laman sesawang hanya memaparkan maklumat mengenai organisasinya sahaja. Laman sesawang ini digunakan oleh organisasi serta syarikat dan bercirikan informasi yang khusus berkaitan organisasi dan syarikat berkenaan. Ini membantu pengguna internet mendapatkan maklumat rasmi dari organisasi dan syarikat berkenaan melalui internet. dengan mudah.

Ketiga ialah laman sesawang E-Dagang. Laman sesawang e dagang sangat terkenal dan semakin mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan usahawan bagi meluaskan pasaran mereka melalui internet. Laman ini di kategorikan sebagai laman interaktif di mana pemilik dan pengunjung saling berhubung antara satu dengan lain.

2.3 Dua Fasa Dalam Pembinaan Laman Sesawang

Menurut Juhazren dan Haniman (2010) terdapat dua fasa dalam pembinaan laman sesawang iaitu fasa pertama ialah analisis keperluan dan fasa kedua ialah reka bentuk.

Fasa pertama ialah analisis keperluan di mana ia melibatkan pemilihan perkakas yang terdiri daripada komputer peribadi atau komputer riba dengan spesifikasi yang sesuai. Selain dari pemilihan perkakas, pemilihan perisian yang sesuai adalah satu keperluan. Ini kerana ia akan memudahkan seseorang jika memilih perisian yang mudah digunakan seperti *Macromedia Dreamweaver* atau *joomla*.

Fasa kedua ialah fasa reka bentuk sesebuah laman sesawang menggunakan perisian yang dipilih. Proses reka bentuk laman sesawang terbahagi kepada tiga iaitu reka bentuk informasi, reka bentuk interaksi dan reka bentuk persembahan. Ketiga-tiga reka bentuk ini memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan sebuah laman sesawang yang berkualiti.

2.4 Ciri-Ciri Laman Sesawang Yang Berkualiti

Menurut McGrovern dan Norton (2002) sebuah laman sesawang yang berkualiti adalah merangkumi ciri-ciri empat tunjang arkitek maklumat (The four pillars of information architecture)

Empat ciri laman sesawang yang berkualiti adalah kepelbagaian data dan klasifikasi, paparan dan reka bentuk, navigasi dan pencarian.

Kepelbagaian data merujuk kepada maklumat yang terdapat di dalam kandungan laman sesawang seperti tajuk utama, kata kunci, pengarang, penerbit, ringkasan dan lain-lain. Kepelbagaian data juga bertujuan untuk menyediakan stor maklumat yang bersesuaian agar kandungan laman sesawang menjadi lebih tersusun dan mudah difahami. Selain itu, kepelbagaian data dari segi mengumpul maklumat yang berguna sebagai kata kunci (keyword) dapat memudahkan pengguna untuk mencari maklumat yang dikehendaki. Organisasi haruslah menyelia dan

mentadbir laman sesawang dengan tersusun dan efisien kepada pengguna bagi mengelakkan kekeliruan kepada pengguna.

Bagi klasifikasi pula, ia lebih mirip kepada format kepelbagaian data iaitu meta data. Laman sesawang yang berkualiti perlulah ada pengasingan atau pengelasan maklumat dari segi paparan untuk memudahkan pelayar. Sebagai contoh bahagian data produk, perkhidmatan, perhubungan dan lain-lain.

Selain klasifikasi, paparan dan reka bentuk laman sesawang adalah salah satu penyumbang utama bagi menepati ciri-ciri laman sesawang yang berkualiti. Reka bentuk dan paparan laman sesawang yang baik perlulah mudah untuk dibaca oleh pelayar. Sebagai contoh, bagi pembacaan yang optimum, teks haruslah menggunakan warna hitam dan warna latar belakang putih. Kombinasi warna yang kontra haruslah digunakan bagi pilihan warna lain. Teks seharusnya menggunakan kecerahan (contrast) yang tinggi supaya lebih mudah dibaca. Selain dari kombinasi warna antara latar dan tulisan, penggunaan saiz tulisan merupakan salah satu elemen yang perlu dititikberatkan di mana tulisan yang besar dan di boldkn menunjukkan ia tajuk manakala tulisan biasa adalah isinya. Teks haruslah tidak terlalu panjang. Perenggan haruslah diwujudkan bagi memudahkan pengguna untuk membaca secara imbasan (scan read).

Sesebuah laman sesawang yang berkualiti haruslah mempunyai keseimbangan dari segi kandungan maklumat, muat turun yang cepat, fungsi yang pelbagai, mesra pengguna dan mudah untuk dijelajah. Menggunakan gambar yang sesuai mengikut keperluan fizikal laman sesawang dan saiz fail. Grafik yang terlalu besar tidak digalakkan untuk digunakan kerana ia akan melambatkan proses muat turun (download) melainkan jika perlu.

“The navigation structure identifies the paths available to a visitor to the web site” (Ameeta D. Jadz,2003). Navigasi adalah merupakan kebolehan pengguna untuk menjelajah serta panduan yang diberikan kepada pengguna ketika melayari sesebuah laman sesawang. Oleh kerana laman sesawang tidak seperti buku atau dokumen cetak yang boleh dibaca dengan menggunakan tangan, ianya memerlukan ciri-ciri navigasi bagi membolehkan pengguna menjelajah di segenap sudut laman sesebuah laman sesawang. Justeru itu, ciri-ciri navigasi yang baik perlulah ada pada setiap laman sesawang bagi membolehkan pengguna menjelajahi laman sesawang dengan lancar tanpa menghadapi sebarang masalah.

Ciri laman sesawang yang berkualiti yang terakhir adalah pencarian (search). Menurut buku Malaysia Website, Palani (2005) sesebuah laman sesawang yang baik memerlukan pencarian yang mudah dan mesra pengguna di mana ia akan memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Apabila pengguna internet mencari sesebuah laman sesawang, dokumen, fail, kandungan atau maklumat yang mereka kehendaki, lazimnya pengguna tidak mencarinya secara langsung tetapi cenderung menggunakan indeks atau kata carian di dalam pencarian mereka.

3.0 KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, dua kaedah yang digunakan bagi menjayakannya. Pertama dengan melakukan temu ramah dari wakil daripada syarikat Lovely Farm dan pegawai ICT dari pusat komputer UUM. Kaedah kedua ialah dengan melakukan pengumpulan data melalui media cetak dan media elektronik seperti buku dan artikel yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian yang diperoleh adalah hasil temu bual dari responden pertama iaitu pegawai ICT dari pusat komputer UUM. Beliau berkata, sesebuah laman sesawang yang baik perlu memiliki paparan yang menarik selari dengan objektif perniagaan yang dijalankan.



Rajah 2: Laman Sesawang Syarikat Lovely Farm

Ketika temu bual, responden ditunjukkan dengan contoh laman sesawang kajian kes bagi meminta pendapat mengenai laman sesawang tersebut supaya


kelihatan lebih menarik. Rajah 2 laman sesawang syarikat Lovely Farm

Responden menyatakan bahawa keseluruhan laman sesawang syarikat Lovely Farm yang ditunjuk kepada beliau adalah memuaskan dan memenuhi ciri-ciri laman sesawang yang baik tetapi bagi menambah kemudahan pengguna yang melayari laman sesawang tersebut, Lovely Farm perlulah menambah beberapa penambahbaikan iaitu dari segi peta laman atau lebih dikenali sebagai site map. Peta laman direka bagi pengguna untuk memudahkan mereka mencari kandungan pada halaman laman sesawang tanpa perlu memasuki laman baru.

Kedua, responden juga menyuarakan pendapat bahawa pengurangan bilangan pautan pada laman sesawang dapat memudahkan pelayar untuk mendapatkan maklumat dengan cepat serta mudah.

Seterusnya hasil kajian diperoleh dengan melalui pembacaan dari media cetak dan elektronik mengenai ciri-ciri laman sesawang yang berkualiti. Hasil penilaian dari pembacaan mendapati bahawa penggunaan tema yang selari dengan perniagaan, penggunaan warna yang tepat, maklumat yang padat merupakan pendorong utama bagi penambahan pelayar untuk melayari laman sesawang Lovely Farm. Selain itu, susunan maklumat di muka hadapan laman sesawang perlulah sesuai dengan apa yang hendak diberitahu kepada pelayar. Rajah 2 menunjukkan susunan tema yang baik bagi laman sesawang bercirikan perniagaan.

A good WP business theme should make it simple to follow these web design standards.



Rajah 2: Contoh susunan tema yang baik

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dibuat dari hasil penemuan menunjukkan bahawa ciri-ciri laman sesawang yang baik amat diperlukan untuk menarik minat pelayar bagi menerokai apa maklumat yang dipaparkan dalam sesebuah laman sesawang.

Ciri-ciri laman sesawang yang baik mestilah selari dengan perniagaan yang hendak dilakukan. Sebagai contoh syarikat Lovely Farm di mana syarikat ini melakukan perniagaan berasaskan pertanian. Maka konsep atau tema yang ditunjukkan lebih kepada kehijauan dengan latar belakang berasaskan tumbuhan.

Selain itu, keadaan dan susunan laman sesawang itu sendiri haruslah mesra pengguna dengan pautan yang mudah dan jelas dengan wujudnya peta laman dan kurangnya pautan ke pautan yang lain. Maklumat yang dipaparkan mudah dihubungi oleh pelayar untuk keterangan mengenai produk atau perkhidmatan.

Laman sesawang yang baik mempunyai nilai yang tersendiri di mana ia mampu memudahkan pelayar untuk memahami apa yang hendak disampaikan oleh pihak syarikat dengan lebih efektif.

RUJUKAN

Barbara K.Kaye, N. J. (2001). The World Wide Web. California: Mayfield Publishing Company.

Iskandar Ab Rashid, Z. I. (2004). Menguasai Enjin Carian. Selangor: Vantor Publishing (M) Sdn Bhd.

Jadav, A. D. (2003). Designing Usable Web Interfaces. Pearson Education Inc.

Jman, S. J. (2012, Feb 24). 3 Jenis Bentuk Perniagaan di Malaysia. Retrieved from Usahawan Malaysia Berjaya: <http://www.shahabudeenjalil.com/2012/02/info-grafik-3-jenis-bentuk-perniagaan-di-malaysia-milikan-tunggal-perkongsi-an-dan-syarikat/>

Juhazren Bin Junaidi, H. O. (2010). Pembangunan Laman Web Bagi Konsep Asas Pengaturcaraan C++ Menggunakan Strategi Pembelajaran Aktif.

Murugappan, P. (2005). Malaysia Website. Selangor: Vantor Publishing(M) Sdn Bhd.

Othman, D. M. (2009). Konsep Asas Rekabentuk Laman Web. Pembangunan Aplikasi Web Menggunakan ASP.Net.

Razak, R. (2013, Jan 25). Pengenalan Laman Web. Retrieved from Persatuan Usahawan Internet Malaysia: <http://puim.my/pengenalan-laman-web/>

Trevor Cadden, S. J. (2010). Developing A Business Process For Product Development.